

Pemberian Kerajaan Pusat kepada Kelantan, Terengganu meningkat

Anwar tegaskan tidak pernah menganaktirikan, hormati pimpinan kerajaan negeri

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

Bachok: Pemberian Kerajaan Persekutuan yang disalurkan secara langsung kepada Kelantan dan Terengganu meningkat sebanyak 30 dan 28 peratus tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pemberian itu merangkumi wang ihsan, geran perkapita, Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) dan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Pemberian TAHAP).

"Pada 2023, Kelantan menerima RM588 juta dan meningkat kepada RM762 juta pada tahun lalu, iaitu meningkat sebanyak 30 peratus.

"Terengganu pula menerima pemberian sebanyak RM1.57 bilion pada 2023 dan meningkat kepada RM2.02 bilion pada tahun lalu, iaitu peningkatan sebanyak 28 peratus.

"Justeru, saya mahu perbetulkan untuk Kelantan dan Terengganu, kita tidak pernah menganaktirikan mereka, sebaliknya saya menghormati persahabatan pimpinan kerajaan negeri.

"Kita teruskan pemberian dengan peningkatan pada tahun lalu, demi memberi kemudahan kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 Peringkat Negeri Kelantan di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Mohd Nassuruddin Daud; Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad dan Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil.

Anwar berkata, pemberian kerajaan Persekutuan kepada Kelantan melebihi hasil daripada kerajaan negeri.

Beliau berkata, hanya tiga negeri yang menerima pemberian kerajaan Persekutuan melebihi RM1 bilion setahun, iaitu Sarawak, Sabah dan Terengganu.

Janji segera projek tebatan

Sementara itu, Anwar berjanji menyegerakan projek tebatan banjir di Kelantan bagi menyelesaikan masalah yang saban tahun melanda negeri itu.

Perdana Menteri menegaskan, projek yang membabitkan beberapa peringkat itu memerlukan kos besar dan proses pengambilan tanah perlu dilakukan dengan cepat.



Anwar bersama Mohd Nassuruddin pada Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 Peringkat Negeri Kelantan di Dataran Pantai Irama, Bachok, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Kita tidak sanggup melihat saban tahun Kelantan mengalami banjir tidak terkawal dengan kerajaan silih berganti.

"Justeru, saya meminta Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan Kementerian Ekonomi melihat beberapa kaedah baharu baru bagi menangani isu berkenaan.

"Jika kita melihat bila banjir,

air melimpah dan apabila kemarau, air kering kontang.

"Jadi, Allah berikan kita iktidar dan teknologi air yang mungkin boleh disimpan ketika melimpah untuk digunakan pada musim kemarau," katanya.

Dalam hal lain, Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak bertolak ansur dengan pegawai awam atau orang politik yang

menyalahgunakan peruntukan kerajaan bagi kekayaan diri.

"Itu saya isytihar perang dengan mereka kerana kalau sistem ini tidak betul, dapat hasil banyak pun dia hilang kalau masing-masing nak kaya;

"Dia nak berniaga, dia berniaga, tetapi kalau guna kedudukan dalam kerajaan, saya tidak izinkan," katanya.